

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 FEBRUARY 2017

Dr Mahathir eksploitasi isu rumit serang PM

BH-26/2/2017

➔ Bekas PM tumpu perkara sukar difahami orang kampung, bandar

Oleh Haryani Ngah dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

▸ Hulu Selangor

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, memilih menjadikan 1MDB sebagai isu untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kerana perkara ini sukar difahami orang kampung dan rumit bagi masyarakat bandar.

Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Rahman Dahlan berkata, Tun Dr Mahathir sebelum itu menggunakan isu dasar seperti jambatan dan Proton tetapi tidak mendapat sambutan.

“Bila isu dasar tak jalan, beliau teruskan menyerang peribadi seperti cincin (Isteri Perdana Menteri)

Datin Seri Rosmah Mansor dan seterusnya perkahwinan anak Perdana Menteri dan isu Altantuya,” katanya pada Ceramah Rakyat di Hulu Selangor, di sini, malam tadi.

Lapan pemimpin

Ceramah berkenaan menampilkan lapan pemimpin BN iaitu Menteri Perumahan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Seri Noh Omar; Presiden GERAKAN Mah Siew Keong; Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Ong Ka Chuan; Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri S K Devamany; Naib Presiden Kanan MyPPP Malaysia, Datuk Maglin D Cruz dan Ahli Dewan Undangan Negeri Batang Kali, Datuk Mat Nazadri Ahmad Dahlan.

Ketua Penerangan UMNO Selangor, Datuk Zein Isma Ismail, bertindak sebagai moderator dengan setiap penceramah menjawab isu dimainkan pembangkang.

Kira-kira 2,000 orang hadir pada ceramah itu dengan setiap penceramah diberikan masa tujuh minit untuk membuat pembentangan.

Selain ceramah, orang ramai turut dipertontonkan dengan rakaman kenyataan berunsur fitnah oleh pembangkang.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, sebelum timbulnya isu 1MDB, Tun Dr Mahathir pernah mengeluarkan kenyataan pada Ogos

2014 untuk menjatuhkan Najib daripada jawatan Perdana Menteri.

“Mulai saat itu, wujud tuduhan gerakan komplot bersama musuh dalam kerajaan yang bermula secara sistematik.

“1MDB bukan isu baharu, (Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara) Tony Pua bersama parti pembangkang DAP sudah mainkannya dalam Parlimen sejak bertahun, antara 2008 hingga 2013.

“Bagaimanapun Ahli Jawatankuasa Kira-kira (PAC) buat kesimpulan 1MDB bukan masalah besar, ia masalah perniagaan dan isu itu tenggelam begitu sahaja,” katanya.

Sabotaj 1MDB

Katanya, 1MDB hanya menggunakan RM1 juta duit rakyat dan tak pernah gagal melunaskan segala hutang.

Kerana dendam, Tun Dr Mahathir sanggup sabotaj dengan memburukkan 1MDB dan akibatnya bank tidak memberi pinjaman kepada 1MDB dan tidak mendapat kepercayaan pemegang saham dan terpaksa menjual harta, katanya.

“Perdana Menteri beri peluang pemimpin BN untuk meluahkan rasa tak puas hati dalam mesyuarat Kabinet atau saluran yang betul tetapi mereka tidak nyatakan, sebaliknya membuat kenyataan pada tempat yang tak sepatutnya,” katanya.



Tun Dr Mahathir sebelum itu menggunakan isu dasar seperti jambatan dan Proton tetapi tidak mendapat sambutan”

Rahman Dahlan,
Pengarah Komunikasi
Strategik Barisan
Nasional